

## **KAJIAN HUBUNGAN IMAGINASI, KREATIVITI DAN IDEA DALAM KOMUNIKASI PENULISAN KREATIF**

**Sulaiman Bin Salleh, Rahmahtunnisah Binti Hj Sailin**

Jabatan Komunikasi

Fakulti Pengurusan dan Muamalah

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

[sulaiman@kuis.edu.my](mailto:sulaiman@kuis.edu.my), [rahmahtunnisah@kuis.edu.my](mailto:rahmahtunnisah@kuis.edu.my)

### **ABSTRAK**

*Komunikasi mengutamakan keberkesanan mesej yang ingin disampaikan. Walau bagaimanapun salah satu aspek yang sering diabaikan dalam memastikan penyampaian mesej yang berkesan itu hadir daripada penulisan yang berkesan. Terutamanya membabitkan penggunaan ayat yang tepat dan persepsi yang jitu. Kertas kerja ini bertujuan untuk membincangkan mengenai hubungan imaginasi, kreativiti dan idea dalam komunikasi penulisan kreatif. Perbincangan ini adalah bagi menjelaskan mengenai hubungan idea dengan imaginasi dan kreativiti semasa penghasilan karya kreatif. Berdasarkan pandangan sarjana yang mengkaji mengenai imaginasi, idea dan kreativiti serta mereka yang terbabit dalam komunikasi penulisan kreatif didapati bahawa terdapat hubungan yang saling berkait rapat antara ketiga-tiga faktor dorongan itu. Pengkajian ini dipercayai akan menemui lain-lain faktor dorongan seseorang untuk mengarang antaranya pemikiran, kemahiran berfikir, budaya dan sebagainya.*

**Kata Kunci:** *Penulisan kreatif, idea menulis, kemahiran berfikir.*

---

### **1.1 PENGENALAN**

Bidang komunikasi mengutamakan keberkesanan mesej yang ingin disampaikan. Satu daripada komunikasi yang berkesan berhubung kait penggunaan penulisan yang berkesan. Terutamanya membabitkan penggunaan ayat yang tepat, persepsi yang jitu dan sebagainya.

Menurut Ibnu Khaldun, penulisan memungkinkan komunikasi dalaman dengan orang jauh di mata dan mengabdikan hasil pemikiran dengan mencatat ke dalam buku. Bagaimanapun, sebelum seseorang mampu menulis dengan baik, kebiasaannya karya yang dihasilkan harus bersedia untuk dikritik bagi memantapkannya.

Allahyarham A Samad Ismail yang pernah bertugas sebagai wartawan di Utusan Melayu sejak sebelum merdeka menyatakan bahawa pada awal pembabitannya dalam dunia kewartawanan tidak terdapat buku untuk mengajarnya mengenai kewartawanan. Untuk mendalaminya beliau terpaksa belajar dengan membaca serta meneliti penulisan terutama akhbar berbahasa Inggeris. Selain itu, A Samad juga akan membandingkan berita yang ditulis serta disiarkan dengan penulisan lain-lain wartawan.

Bagi tokoh yang pernah mengharumkan dunia kewartawanan negara, beliau menyatakan bahawa penulis yang baik tidak turun dari langit. Penulis yang baik memerlukan satu jangka waktu yang agak lama untuk diasah bakatnya. Penguasaan bahasa juga tidak mencukupi, syarat terpenting ialah dedikasi dan komitmen kepada pekerjaannya, rasa rendah diri ketika mendalami ilmu serta keprihatinan terhadap pergolakan kehidupan sekeliling. Komitmen dan dedikasi yang dimaksudkan itu akan mendorong seseorang penulis menambahkan ilmu, meningkatkan kepandaian dan keterampilannya sejak mula berkarya.

Persoalan itu harus diutamakan kerana menghasilkan sesuatu komunikasi dalam bentuk penulisan terutamanya penulisan kreatif tidak mudah dilakukan. Setiap pengarang yang baru menceburi atau mereka yang sudah sekian lama dalam dunia penulisan ini kebanyakannya masih menganggapnya penuh dengan cabaran dan dugaan yang memerlukan kesabaran untuk dilalui.

Terdapat pengarang yang dibentuk melalui bakat semula jadi dan terdapat juga yang dibentuk melalui panduan atau kursus yang bersistematik. Mereka yang mempunyai bakat semula jadi tidak memerlukan tahap pendidikan yang tinggi tetapi mampu menghasilkan karya yang berkualiti terutamanya karya kreatif atau separa ilmiah.

Pengarang yang dibentuk melalui panduan atau kursus bersistematik pula kebiasaannya mereka yang berpendidikan tinggi serta lepasan universiti. Cara pengajarannya pula dilakukan oleh tenaga akademik yang mahir dalam membentuk seseorang menjadi pengarang yang berupaya melahirkan karya yang bermutu dan berkualiti.

Zamri Mohamad (2009), berpendapat penulisan yang baik bukan kerana wang semata-mata. Pengarang seharusnya menulis buku yang mampu membantu menyelesaikan masalah, memberi maklumat dan menunjuk cara kepada pembaca mengenai sesuatu perkara. Seterusnya Zamri menambah, pengetahuan pengarang berkembang melalui aktiviti berkarya dari semasa ke semasa dan mampu menjelaskan sudut pandang penulis terhadap genre dan bidang ilmu yang diceburinya.

Selain itu, Mohd Sidin Ahmad Ishak (1999) menyatakan bahawa:

*“Penulis yang baik mampu berfikir tentang idea-idea yang ingin dituliskan, menyusun idea-idea itu dan menyampaikannya kepada pembaca dengan butiran-butiran yang minimum.”*

Beberapa pandangan yang dikemukakan oleh pengarang yang dinyatakan sebelum ini turut disokong oleh pengarang barat antaranya Susan R. Horton (1982) yang menyatakan bahawa penulisan yang baik mempunyai hubungan sesuatu dengan cara munasabah, menarik serta meyakinkan.

*“Menulis dengan baik lebih berhubung kait kepada sikap dan pemahaman – pemahaman tentang permainan yang sedang anda mainkan dan mahu bermain dengan baik – dengan mematuhi peraturan atau mengelak daripada melakukan kesalahan.”*

Seterusnya Susan R. Horton menambah, *“Sebahagian sikap penulis yang baik ialah kesanggupan menanggung risiko untuk menyatakan sesuatu yang baru. Ia juga merupakan kesanggupan untuk berjuang dan bergelut dengan idea dan menjadikannya bentuk. Tetapi menulis dengan baik juga melibatkan membiasakan diri untuk memasang antena pada setiap masa, memerhatikan bahan yang mungkin digunakan dalam sesuatu esei. Bahan tersebut mungkin tersembunyi di mana-mana.”*

Penulisan yang baik datangnya daripada pengarang yang baik. Pengarang yang baik haruslah banyak membaca bahan-bahan bacaan yang berfaedah.

Susan R. Horton seterusnya menambah bahawa seseorang pengarang harus banyak membaca bagi membantunya bersedia menulis perkara yang dihayati dan seterusnya menemukannya dengan jawapan kepada soalan atau permasalahan yang ingin diungkai.

*“Orang yang membaca dengan banyak tidak semestinya seorang penulis, tetapi penulis lazimnya ialah orang yang banyak membaca. Memiliki pemikiran yang arif memastikan anda sentiasa mempunyai persediaan untuk menulis perkara yang dihayati, dan dengan itu anda akan berupaya mengenali jawapan kepada soalan atau masalah apabila anda berdepan dengannya. Sebagaimana Jerome Bruner memberitahu kita dalam bukunya *On Knowing*, penemuan sering membantu akal yang cukup bersedia.”*

## **1.2 Permasalahan Kajian**

Kebanyakan bahan bacaan umum yang ditemui menyatakan pelbagai pendekatan yang mendorong seseorang berminat atau menceburi bidang penulisan kreatif, tanpa menghubungkan hubungan imaginasi, kreativiti dan idea. Malah, hubungan berkenaan seolah-olah tidak diberikan perhatian yang sewajarnya. Tanpa mengaitkan hubungan berkenaan, dipercayai terdapat golongan

yang beranggapan negatif terhadap bidang komunikasi penulisan kreatif atau tidak menemui kaedah yang sesuai bagi mereka mendalami dalam bidang ini.

### **1.3 Objektif Kajian**

Objektif kajian ini dijalankan ialah untuk:

- a. Mengkaji hubungan imaginasi dan kreativiti dalam pembentukan idea untuk komunikasi penulisan kreatif.
- b. Menngenalpasti turutan keutamaan antara imaginasi, kreativiti dan idea dalam komunikasi penulisan kreatif.

## **2.0 SOROTAN LITERATUR**

Sebelum mengkaji hubungan imaginasi, kreativiti dan idea dalam komunikasi penulisan kreatif harus dimengerti maksud pengarang. Dewan Bahasa dan Pustaka (2010) mendefinisikan pengarang sebagai orang yang mengarang cerita (lagu, sajak dan sebagainya) atau orang yang menyunting karangan untuk diterbitkan. Perbicaraan mengenai definisi yang dikemukakan itu mempunyai hubungan pendapat yang dikemukakan oleh Hamed Mohd Adnan.

Hamed Mohd Adnan (2008) menyatakan pengarang ialah orang yang menyusun gagasan atau idea yang kemudiannya disebar luas melalui buku. Hamed seterusnya mengaitkan maksud pengarang itu dengan lebih luas. Beliau menyatakan bahawa pengarang adalah seseorang, atau suatu kelompok orang, suatu lembaga, pemerintah, dan badan yang mempunyai tanggungjawab terhadap idea yang disusun. Dinyatakan bahawa pengarang milik mutlak akan karya yang dihasilkan.

Ding Choo Ming (1999) dengan menyokong pendapat dua sarjana iaitu Laurensen dan Swingewood, menyatakan bahawa pengarang terbentuk daripada faktor sosial dan sejarah. Kesannya, setiap hasil penulisan yang dihasilkan oleh seseorang pengarang akan dipengaruhi oleh faktor sosial dan sejarah pada ketika sesuatu karya dihasilkan.

Susulan daripada yang dikemukakan oleh Ding Choo Ming itu, penyelidik berpendapat faktor sosial dan sejarah itu seterusnya melahirkan pendapat seseorang pengarang, seterusnya melahirkan persepsi (gambaran atau bayangan) mengenai sesuatu perkara atau isu. Akhirnya melahirkan idea baru kepada seseorang pengarang. Bagaimanapun, perkara yang dikemukakan oleh pengarang ini mungkin turut dipengaruhi oleh faktor latar belakang pendidikannya. Contohnya, pengarang yang berkelulusan dalam bidang komunikasi akan melihat pendapat dan persepsi sebagai sesuatu yang penting untuk melahirkan sesuatu idea.

Seorang tokoh bahasa dan pemikir Melayu yang terkenal, Allahyarham Zainal Abidin Ahmad (1934) menyatakan bahawa mengarang memerlukan penguasaan bahasa dan daya fikiran yang saling berhubung kait. Menurut beliau lagi, terdapat karangan yang mudah dan sukar dicoretkan. Hasil yang dinyatakan oleh Za'ba itu, pengarang berpendapat mudah atau sukar menghasilkan sesuatu karangan adalah bergantung pada penguasaan bahasa dan keupayaan berfikir seseorang pengarang.

*“Bahasa itu alat mengeluarkan fikiran supaya dapat diketahui orang dengan mendengar atau membacanya. Maka jika bahasa yang dipakai itu tidak menepati betul-betul seperti maksud yang di dalam hati, tentulah orang tersalah faham atau tiada dapat oleh mereka tujuan yang dikehendakkan itu.”*

*“Sebab itu bila mengarang wajiblah dihati-hatikan benar apa ertinya perkataan-perkataan yang dipakai di dalamnya, atau bagaimana rangkaian perkataan yang boleh mengeluarkan sebenar-benar maksud yang di dalam hati itu.”*

Kenyataan itu berdasarkan kepada huraian yang dinyatakan oleh Za'ba bahawa bahasa adalah alat mengeluarkan sesuatu yang difikirkan. Seterusnya kefahaman pembaca kepada apa yang difikirkan itu bergantung pada ketepatan bahasa yang digunakan. Penjelasan tokoh bahasa dan

pemikir Melayu ini seterusnya mengingatkan kepada pengarang atau bakal pengarang bahawa ketepatan penggunaan perkataan haruslah diutamakan untuk melahirkan karangan atau karya seperti mana yang difikirkan.

Seterusnya, pendeta ini menyatakan bahawa penguasaan tatabahasa iaitu pengetahuan atau pelajaran tentang pembentukan perkataan dan proses pembinaan ayat haruslah dikuasai oleh setiap pengarang. Proses itu dilihat sebagai satu kemahiran yang memerlukan latihan berterusan.

*“Belajar mengarang itu baik pun karangan senang atau karangan susah, tidaklah sekali-kali dikehendakkan mesti dimulai daripada nahu (tatabahasa), melainkan hendaklah dengan jalan yang dibuat dan dibiasakan selalu serta memerhati karangan orang yang pandai-pandai mengarang.”*

### **3.0 KAEDAH KAJIAN**

Kajian ini dijalankan secara analisa kandungan dengan meneliti empat buah buku yang membincangkan tentang penulisan kreatif iaitu;

- a. Za'ba (2002). Ilmu Mengarang Melayu: edisi ejaan rumi Bahru. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- b. Susan R. Horton (1993). Penulisan: Cetusan Fikiran (terjemahan). Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- c. Mohd Sidin Ahmad Ishak (1999). Keterampilan Menulis. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- d. Ainon Mohd dan Abdullah Hassan (2007). Kuasa Berfikir Kreatif: Teknik menyelesaikan masalah secara kreatif. PTS Profesional Publishing Sdn Bhd.

## **4. PERBINCANGAN**

### **4.1 Idea dan Komunikasi Penulisan Kreatif**

Semasa menyiapkan penyelidikan ini penyelidik menemui beberapa pandangan yang membicarakan mengenai idea. Hasil daripada penemuan itu penyelidik mulai terfikir untuk memikirkan kembali benarkah sesuatu idea itu berpunca dari jiwa pengarang yang memberontak untuk menceritakan sesuatu perkara. Seperti mana yang pernah dinyatakan oleh Tokoh Sasterawan Negara, Usman Awang (1992), antara sebab beliau menulis adalah disebabkan oleh jiwanya yang memberontak untuk mencurahkan apa yang tersimpan di jiwanya.

Sebelum membicarakan maksud yang tersirat di sebalik kata-kata Usman Awang itu penyelidik berpendapat perlu dibicarakan mengenai idea terlebih dahulu. Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2010) mendefinisikan idea sebagai buah fikiran atau gagasan (buah fikiran yang dijadikan saranan). Membincangkan mengenai bab ini hasil daripada pandangan yang dikemukakan oleh ilmuwan yang dikesan melalui penulisan mereka, penyelidik mulai mendapati anggapan yang dinyatakan sebelum ini harus diperhalusi.

Mus Chairil Samani (2002) menyatakan bahawa minda di bawah sedar antara punca timbulnya sesuatu idea. Beliau menyatakan bahawa minda bawah sedar sentiasa bertungkus-lumus mengadun pelbagai maklumat yang diperolehi sama ada daripada pendidikan, pembelajaran, pembacaan ataupun pengalaman terdahulu. Idea tercetus apabila maklumat-maklumat yang terkandung di dalam neuron manusia bercantum. Maksudnya, seseorang harus berusaha keras terutamanya dalam menimba ilmu berkaitan mendapatkan idea yang bernas.

Hasil daripada cetusan pendapat Mus Chairil jelas menunjukkan bahawa antara faktor kejayaan seseorang pengarang adalah pelbagai ilmu yang ada pada dirinya. Semakin banyak ilmu yang ada pada dirinya maka semakin bernaslah ideanya.

Bagaimanapun, Ainon Mohd dan Abdullah Hassan (2007) menyatakan bahawa perkara-perkara yang berlaku di sekeliling seseorang individu adalah sumber ilham untuk mencipta idea yang bagus. Berdasarkan maksud yang dinyatakan itu menunjukkan bahawa sesuatu idea seharusnya bermula dengan ilham.

Menghalusi yang dinyatakan itu penyelidik mulai terfikir pula bahawa hal mengenai ilham kerap dilupakan oleh penyelidik sendiri, juga mungkin pengarang lain atau bakal pengarang. Dewan Bahasa dan Pustaka (2007) mendefinisikan ilham sebagai sesuatu yang menggerakkan hati atau menimbulkan daya cipta dan sebagainya untuk menghasilkan atau mencapai sesuatu.

Sementara itu, Faizal Tehrani (2008) menyatakan bahawa ilham yang baik datang daripada bahan bacaan yang baik. Jenis karya yang dihasilkan pastinya berhubungkait dengan kesukaan dan kegemaran pengarang. Menghasilkan karangan yang baik juga berhubung dengan bahan-bahan baik yang dibaca oleh pengarang. Seterusnya Faizal menyatakan bahawa idea dan ilham sentiasa berada di sekeliling pengarang. Ilham atau idea yang diperolehi seterusnya dikukuhkan dengan khayalan, rasa, gagasan dan sebagainya.

Menyentuh mengenai khayalan Faizal menyatakan bahawa:

*“Khayalan adalah keupayaan untuk mencipta citra dalam angan-angan tentang sesuatu yang belum pernah terjadi secara nyata. Khayalan ini bagaimanapun akan berpaksikan ilham. Sekali lagi, sekiranya ilham tersebut murni maka khayalan itu akan berbungakan sesuatu yang murni juga.”*

*“Khayalan yang dijana dan digerakkan dengan optimum akan dapat menjadi satu media yang mempengaruhi dan membangkitkan perasaan pengarang serta pembacanya. Dalam erti kata lain, media tersebut dapat menjadi medium dakwah yang jelas.”*

Ingin dinyatakan di sini bahawa berbekalkan ilmu saja tidak mencukupi untuk menghasilkan sesuatu penulisan. Pengarang harus mampu menghayati sesuatu isu yang ingin ditulis supaya penulisannya akan lebih mantap dan ilmu pengetahuan yang ingin disampaikan kepada pembaca akan lebih mudah difahami.

Membicarakan penghayatan ia berhubung pula dengan jiwa pengarang. Kamus Dewan (2010) mendefinisikan jiwa sebagai batin (perasaan, fikiran, cita-cita dan lain-lain yang terkandung dalam hati manusia).

Berbicara mengenai jiwa pula, menurut Dr Mohd Sani Badron (2011) berdasarkan surah al-Sham dalam al-Quran, ayat 7-10, beliau menyatakan bahawa jiwa manusia mempunyai tanggungjawab istimewa kerana boleh meningkat tinggi atau jatuh ke peringkat yang tidak bermoral:

*“Dan jiwa serta penyempurnaannya (ciptaannya), maka Allah mengilhamkan kepada jiwa itu (jalan) kefasikan dan ketakwaannya. Sesungguhnya beruntunglah orang yang mensucikan jiwa itu, dan sesungguhnya merugilah orang yang mengotorinya.”*

Ringkasnya, penyelidik berpendapat sesuatu penulisan akan bermula dari jiwa seseorang pengarang. Seterusnya melahirkan idea yang dipengaruhi oleh faktor sekeliling terutamanya perasaan atau jiwa yang memberontak untuk mencoretkan atau meluahkan apa yang tersimpan di dalam fikiran. Akhirnya, lahirkan idea untuk mencatatkan apa yang tersimpan di dalam hati dengan menggunakan saluran bahasa dan penulisan. Bagaimanapun, kajian yang terperinci perlu dilakukan bagi menjelaskan maksud yang tersirat itu.

## **4.2 Komunikasi penulisan kreatif dan imaginasi**

Menyatakan mengenai imaginasi, sering terbayang di kebanyakan fikiran seseorang individu ia membabitkan khayalan mengenai sesuatu perkara. Maksud yang dinyatakan itu secara umumnya benar kerana Dewan Bahasa dan Pustaka (2010) mendefinisikan imaginasi sebagai kemampuan menggambarkan sesuatu dalam angan-angan atau mencipta sesuatu secara khayalan. Khayalan pula dimaksudkan sebagai sesuatu yang nyata kelihatan pada pandangan seseorang pada hal sebenarnya tidak wujud.

Kebanyakan dapat dilihat bahawa imaginasi atau khayalan seseorang dapat dilihat secara jelas ketika dirinya berada di alam kanak-kanak. Pelbagai khayalan atau imaginasi dibayangkan oleh kanak-kanak seperti membayangkan sebuah kapal terbang yang dipegang sedang terbang di udara. Kereta yang tidak berenjin digerakkan dengan menggunakan tangan sedang melalui lebuhraya yang sibuk dan sebagainya. Ketika berimaginasi sering dapat digambarkan bahawa kapal terbang benar-benar berada di udara dan kereta yang dipegang juga benar-benar berada di lebuhraya yang sibuk. Ketika berimaginasi hal-hal yang tidak berlaku dan mungkin mustahil berlaku dapat digambarkan sebagai sesuatu yang nyata.

Nur Ashiqh (2004) menyatakan bahawa anak-anak yang cerdas sering kali mengkhayalkan masa hadapan:

*“Mereka tertarik akan kemungkinan-kemungkinan yang belum diketahui dan merasa tercabar untuk mengambil bahagian dalam memecahkan masalah yang belum muncul. Proses fikiran yang diperlukan untuk merasakan dan memecahkan masalah masa hadapan selalu berkaitan dengan kemampuan tingkat tinggi, dan anak-anaklah yang paling memerhatikan masa hadapan pada pelbagai jalur kehidupan – budaya, ilmiah, politik dan pendidikan – dan mereka adalah sumber daya yang paling menjanjikan. Oleh itu, sangat penting untuk mengikutsertakan anak-anak cerdas dalam masalah-masalah dunia, bukan cuma masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakatnya sendiri.”*

Imaginasi mempunyai hubungan yang amat rapat dengan komunikasi penulisan terutamanya penghasilan karya-karya kreatif. Mereka yang mempunyai keupayaan berimaginasi adalah suatu kelebihan baginya menghasilkan karya-karya yang bermutu.

Faisal Tehrani (2008) menyatakan bahawa imaginasi adalah unsur yang paling penting bagi melahirkan karya kreatif. Dijelaskan bahawa imaginasi merupakan keupayaan mencipta citra yang berupaya menggambarkan imej peribadi seseorang yang belum pernah terjadi secara nyata.

### **4.3 Kreativiti dan komunikasi penulisan**

Terdapat pelbagai takrifan kreativiti. Pandangan dan pengertian yang berbeza ini adalah berpunca daripada istilah kreativiti dalam pelbagai bentuk sesuai dengan kajian dan pandangan tokoh-tokoh akademik dalam bidang dan disiplin tertentu. Kreativiti berasal daripada perkataan Latin iaitu ‘creare’ bermaksud ‘membuat’. Manakala daripada perkataan Greek pula ‘create’ bermaksud ‘memenuhi’. Kebolehan mencipta, menghasilkan dan mengembangkan sesuatu idea baru Kamus Dewan (2010) mentakrifkan kreativiti sebagai satu kemampuan (kebolehan) mencipta daya kreatif, kekreatifan manakala kreatif pula sebagai mempunyai dan asli. Dalam konteks ini, ianya merujuk kepada kebolehan dan kemampuan seseorang menghasilkan sesuatu yang kreatif, baru dan asli. Ada juga pendapat yang mentakrifkan kreatif dan kreativiti sebagai penghasilan sesuatu yang tidak ada sebelumnya.

Menyentuh mengenai hubungan kreativiti dan penulisan, penyelidik mengambil beberapa pandangan yang dikemukakan oleh Aion Mohd dan Profesor Emeritus Abdullah Hassan. Menurut Abdullah Hassan dan Aion Mohd (2005), pemikiran kreatif ditandai oleh keupayaan melihat sesuatu daripada pelbagai sudut dan menghasilkan pelbagai cara untuk melakukan sesuatu yang baru atau dari sudut yang baru.

Mengaitkan apa yang dinyatakan oleh Abdullah Hassan dan Aion Mohd itu, jelas menunjukkan bahawa penulisan dan kreativiti mempunyai hubungan yang sungguh rapat serta saling perlu memerlukan. Penulis yang kreatif juga berkeupayaan melahirkan penulisannya yang pelbagai persepsi, pelbagai konsep, pelbagai idea, pelbagai cara menyelesaikan masalah, pelbagai cara meleraikan konflik, pelbagai reka cipta, pelbagai strategi dan taktik.

Ketika menghasilkan karyanya pula pelbagai cara digunakan antaranya pelbagai prosedur kerja, pelbagai teori, pelbagai hipotesis, pelbagai peraturan, pelbagai hasil perundingan. Jika diteliti kepada pandangan yang dikemukakan oleh kedua-dua sarjana terbabit dapat dinyatakan bahawa terdapat karya kreatif yang dihasilkan oleh penulis barat seperti Alfred Hitchcock, Daniell

Steele dan Barbara Cartland diadaptasikan ke dalam filem. Begitu juga di negara ini terdapat beberapa karya kreatif yang dihasilkan penulis seperti Othman Zainuddin, Khadijah Hashim, Usman Awang dan A Samad Said bakal atau sudah diadaptasikan ke dalam bentuk drama atau filem.

## **5.0 PENUTUP**

Sejarah kebudayaan dan tamadun manusia membuktikan bahawa industri perbukuan mempunyai hubungan dengan tamadun sesuatu masyarakat. Bagaimanapun, menghasilkan sesuatu penulisan terutamanya penulisan kreatif memerlukan pengorbanan yang berterusan. Pengorbanan yang dipercayai membabitkan mendidik golongan muda menghasilkan karya-karya kreatif yang bermutu.

Sebelum kejayaan itu diperolehi, seseorang pengarang atau penulis harus mempunyai ciri-ciri tertentu antaranya mendidik jiwa, membatasi khayalan, mengawal imaginasi, kreativiti dan ideanya bagi membolehkan komunikasi penulisan kreatif yang dihasilkan bermutu dan berada di landasan ajaran Islam yang sebenar.

Hasil penyelidikan yang dijalankan ini mendapati terdapat hubungan yang rapat antara imaginasi, kreativiti dan idea. Gabungan ketiga-tiganya serta dipengaruhi lain-lain faktor sampingan juga dipercayai membentuk idea seseorang penulis atau pengarang.

## **RUJUKAN**

Ainon Mohd dan Abdullah Hassan (2007). Kuasa Berfikir Kreatif: Teknik menyelesaikan masalah secara kreatif. PTS Profesional Publishing Sdn Bhd.

Ding Choo Ming. Raja Aisyah Sulaiman (1999): Pengarang Ulung Wanita Melayu. Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.

Dr Mohd Sani Badron (2011). Faham Insan Dalam Proses Ta'dib. Wacana Ta'dib Kakitangan Akademik Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). KUIS, Selangor. 2011.

Faizal Tehrani (2008). Karya Nan Indah. Al-Ameen Serve Holdings. Kuala Lumpur.

Hamed Mohd Adnan (2008). Memahami Penyuntingan Naskhah. Medium Publication. Bandar Baru Bangi.

Hamed Mohd Adnan (2008). Memahami Penerbitan Buku. Medium Publication. Bandar Baru Bangi.

Kamus Dewan (2010). Edisi Keempat. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Khaldun (2002). Mukadimah. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.

Mohd Sidin Ahmad Ishak (1999). Keterampilan Menulis. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.

Mus Chairil Samani (2005). Penulisan Rencana Berkesan. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nur Ashiqh (2004). Mendidik anak genius. Jasmin Enterprise. Kuala Lumpur.

Susan R. Horton (1993). Penulisan: Cetusan Fikiran (terjemahan). Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.

Zamri Mohamad (2009). *Tip menjadi penulis Bestseller*. PTS Profesional Publishing Sdn Bhd.

Za'ba (2002). *Ilmu Mengarang Melayu: edisi ejaan rumi Bahru*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.